

Bil. S 12

**AKTA PENYIARAN
(PENGGAL 180)**

KENYATAAN TATAAMALAN INTERNET

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 9 dari Akta Penyiaran, maka Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, telah mengeluarkan Tataamalan yang berikut yang akan berkuatkuasa pada 12 haribulan Februari, 2001 —

TATAAMALAN INTERNET

1. (a) Akta Penyiaran mengenakan kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran suatu kewajipan untuk memastikan bahawa tiada apa-apa dimasukkan dalam sebarang perkhidmatan penyiaran yang bercanggah dengan kepentingan awam atau keharmonian negara atau yang melanggar citarasa yang baik atau tatasusila. Tataamalan ini telah dikeluarkan bagi maksud menjalankan kewajipan tersebut.
 - (b) Semua Pembekal Perkhidmatan Internet dan Pembekal Isi Kandungan Internet yang dilesenkan di bawah Kenyataan Penyiaran (Lesen Kelas), 2001 adalah dikehendaki untuk mematuhi Tataamalan ini dan untuk memuaskan hati Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran bahawa mereka telah mengambil langkah-langkah bertanggungjawab untuk memenuhi kehendak ini. Di bawah Akta Penyiaran Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman, termasuk denda, kepada pemegang-pemegang lesen yang melanggar Tataamalan ini.
2. Pemegang-pemegang lesen mestilah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa tiada apa-apa dimasukkan dalam sebarang rancangan dalam Internet yang bercanggah dengan kepentingan awam atau keharmonian negara atau yang melanggar citarasa yang baik, dan terutamanya isi kandungan Internet yang berikut tidak seharusnya dibenarkan —
 - (a) Keselamatan awam dan pertahanan negara —
 - (i) Isi kandungan yang membawa kepada kebencian atau penghinaan atau mengapikan rasa tidak puas hati terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Kerajaan; atau
 - (ii) Isi kandungan yang mengapikan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk cuba mendapatkan perubahan, melainkan

dengan cara yang sah, mengenai sebarang perkara lain di Negara Brunei Darussalam yang telah ditetapkan oleh undang-undang; atau

- (iii) Isi kandungan yang membawa kepada kebencian atau penghinaan atau mengapikan rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran keadilan di Negara Brunei Darussalam; atau
- (iv) Isi kandungan yang membangkitkan rasa tidak senang atau tidak puas hati di kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam; atau
- (v) Isi kandungan yang menggalakkan perasaan niat jahat dan permusuhan di antara golongan-golongan penduduk yang berlainan di Negara Brunei Darussalam.

(b) Keharmonian Bangsa dan Uagama —

- (i) Isi kandungan yang merendahkan atau mencemuh mana-mana bangsa atau uagama Islam; atau
- (ii) Isi kandungan yang membawa mana-mana bangsa atau uagama Islam kepada kebencian, dendam atau cemuhan; atau
- (iii) Isi kandungan yang bercanggah dengan dan di luar amalan Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah; atau
- (iv) Isi kandungan yang bertujuan untuk mengembangkan uagama-uagama lain selain dari uagama Islam.

(c) Akhlak Awam dan Sosial —

- (i) Isi kandungan yang berupa lucah ataupun sebaliknya cabul; atau
- (ii) Isi kandungan yang menyebarkan tingkah laku permisif atau rambang; atau
- (iii) Isi kandungan yang menggambarkan atau menyebarkan penggunaan kekerasan, pendedahan aurat, seks atau seram yang keterlaluan; atau
- (iv) Isi kandungan yang menggambarkan atau menyebarkan seks luar tabii seperti homoseksual, lesbian dan fidofilia.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 3 haribulan Februari, 2001.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA DATO LAILA UTAMA
HAJI AWANG ISA BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI IBRAHIM

Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.